

Hubungan Rakyat dan Pemerintah dalam Tradisi Lisan dari Perspektif Kepimpinan

People and Government Relationship in Oral Traditional Based on Leadership Perspective

MADIAWATI MUSTAFFA, TENGGU INTAN MARLINA TENGGU MOHD ALI, ROHAYATI JUNAIDI &
MAIZIRA ABDUL MAJID

ABSTRAK

Hubungan rakyat dan pemerintah adalah berkait rapat dan mempunyai hubungan timbal balas antara satu sama lain. Ungkapan “rakyat dan raja berpisah tiada” menunjukkan keakraban hubungan dua kelompok ini. Pengisahan tentang pemerintah dan rakyat banyak terlihat dalam sastera hikayat. Namun kajian ini melihat sejauh mana pandangan rakyat terhadap pemerintah dari kaca mata rakyat melalui sastera rakyat. Sastera rakyat merupakan dokumentasi masyarakat dahulu serta merupakan salah satu medium dalam melihat persekitaran yang mempengaruhi hubungan antara rakyat dan pemerintah. Masalah yang melibatkan hubungan rakyat dan pemerintah merupakan salah satu situasi yang memberi kesan jangka panjang terhadap keharmonian dan kesejahteraan negara. Justeru, persekitaran yang bertimbal balas secara aktif dan baik antara rakyat dan pemerintah membantu memelihara system social sesebuah masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini bertitik-tolak daripada dua objektif utama, iaitu mengenal pasti hubungan antara rakyat dan pemerintah dalam cerita-cerita lisan Pahang, serta menganalisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat dalam tradisi lisan berdasarkan Teori Kepimpinan oleh Northouse (2013). Kajian analisis teks ini meneliti cerita rakyat Pahang koleksi Zakaria Hitam dengan melihat hubungan antara rakyat dengan pemimpin dalam konteks kepimpinan. Dapatan kajian memperlihatkan pengaruh kepimpinan tradisional yang memberikesan timbal balas dalam hubungan antara rakyat dan pemerintah, iaitu saling mempengaruhi dalam membentuk sistem sosial masyarakat. Kesimpulannya, pemimpin dan rakyat saling memerlukan dalam memastikan kelangsungan dan keharmonian negara.

Kata kunci: Tradisi lisan; Teori Kepimpinan; rakyat; pemerintah; cerita rakyat Pahang

ABSTRACT

People-government relations are closely intertwined and reciprocal. The phrase “rakyat dan raja berpisah tiada” indicates the closeness of the two groups. The narrative of the government and the people is widely seen in the pedagogical literature. But this study looks at the extent to which the public views the government through the eyes of the people through the literature of the people. People’s literature is a document of society and is one of the mediums in looking at the environment that influences the relationship between the people and the government. Issues involving public and government relations are one of the long-term issues affecting the country’s harmony and well-being. Thus, an active and positive response between the people and the government helps to maintain the social system of a society. As such, this study draws on two main objectives, namely, identifying the relationship between the people and the government in Pahang oral stories, and analyzing the impact of reciprocal relationships between leaders and people in oral tradition based on Theory of Leadership Northouse’s (2013). This text analysis study examines the folklore of Pahang’s Zakaria Hitam collection by looking at the relationship between people and leaders in the context of leadership. The findings show that the influence of traditional leadership has a reciprocal effect on the relationship between the people and the government, which in turn influences the social structure of society. In conclusion, leaders and citizens need each other in ensuring the survival and the harmony of the nation.

Keywords: Oral tradition; leadership theory; people; government; Pahang folklore

PENGENALAN

Pemerintah dan rakyat merupakan dua kelompok penting dalam membangunkan sesebuah tamadun. Keakraban antara dua kelompok ini diperlihatkan dengan ungkapan “raja dan rakyat berpisah tiada”. Raja dalam konteks dahulu merupakan seorang pemerintah yang berhubung rapat dengan rakyat, iaitu kelompok yang diperintah. Keakraban ini terserlah dalam salah satu ikrar rakyat dalam rukun negara yang menyatakan bahawa menumpukan seluruh tenaga dan usaha mencapai prinsip kesetiaan kepada raja dan negara. Rakyat, pengikut atau juga disebut sebagai hamba dalam karya-karya tradisional merupakan golongan yang berada di sesuatu wilayah atau negara yang mempunyai hubungan kait dengan sesebuah pemerintahan. Manakala pemerintah atau pemimpin pula merupakan golongan yang berkuasa dalam memimpin negara. Tichy dan Devanna (1986) menjelaskan bahawa kepimpinan adalah proses mentransformasikan pengikut, mencipta matlamat yang dicapai, menentukan langkah-langkah, serta tindakan dalam mencapai matlamat yang ditentukan.

Raja atau pemimpin dalam masyarakat tradisi dipandang tinggi oleh rakyat. Raja juga dikatakan bayangan tuhan atau khalifah di muka bumi. Dalam naskhah Melayu seperti *Sulalatus Salatin*, *Hukum Kanun Melaka*, *Taj-us-Salatin*, *Bustan-us-Salatin* dan *Adat Raja-Raja Melayu*, raja dikonsepsikan sebagai Khalifat-ul-ardh (wakil Tuhan di muka bumi, al-Quran 2:30). Dalam Sejarah Melayu disebut *dzi Allah filJalam*. Ide dan pandangan dunia seperti ini adalah lanjutan daripada pandangan dunia pra-Islam di Alam Melayu, bahawa raja itu dewa sakti atau dewa raja (Zainal Abidin 2012, 3).

Sastera rakyat seperti cerita rakyat yang bersifat kolektif dan kepunyaan masyarakat merupakan salah satu medium untuk melihat persekitaran yang wujud dalam system masyarakat. Menurut Che Abdullah & Mohamad Rodzi (2019: 6) menyatakan bahawa, “karya kreatif mempunyai kaitan yang rapat dengan sejarah kerana ia dihasilkan berdasarkan imaginasi dan wawasan yang terbentuk daripada pengetahuan serta pengalaman diri sendiri atau pun pengalaman orang lain.” Dengan kata lain, karya sastera merupakan citra realiti yang diolah dengan imaginasi dan bahasa yang indah untuk memberi manfaat kepada masyarakat. Persekitaran yang dipaparkan dalam tradisi lisan ini melingkungi hubungan antara rakyat dan pemerintah. Jika diteliti cerita-cerita rakyat tuturan Pawang Ana, seperti *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*, *Hikayat Malim Deman* dan

Hikayat Malim Dewa, penceritaan tentang hubungan taat setia rakyat kepada pemerintah diceritakan secara jelas. Namun begitu, kertas kerja ini meneliti secara khusus hubungan kedua-dua kelompok ini melalui cerita-cerita rakyat negeri Pahang (Koleksi Zakaria Hitam). Kajian ini akan meneliti sejauh mana cerita-cerita rakyat Pahang ini mengutarakan hubungan rakyat dan pemerintah melalui Teori Kepimpinan (*Leadership*) oleh Peter Guy Northouse (2013).

SOROTAN LITERATUR

Sorotan dalam makalah ini menganalisis literature terdahulu tentang pemimpin serta hubungan antara pemimpin dengan rakyat. Capowski (1994) menjelaskan bahawa pemimpin harus mempunyai visi, integriti, amanah, tidak mementingkan diri sendiri, komitmen, kreatif, sifat tahan lasak, kebolehan komunikasi dan berani mengambil risiko. Hal ini selari dengan pendapat Peter Drucker dalam Yukl (1989) yang menyatakan bahawa seseorang pemimpin itu haruslah mempunyai pengikut dan untuk mendapatkan pengikut memerlukan pengaruh, tetapi tidak membelakangkan integrity dalam mencapai hal tersebut. Kotter (2001) pula menetapkan bahawa seorang pemimpin itu adalah seseorang yang menentukan arah tujuan, penyelar, memberi dorongan dan memberi inspirasi. Kepimpinan turut dapat dilihat dalam karya sastera terutamanya karya sastera tradisional yang banyak memaparkan hubungan pemimpin dengan rakyat. Kajian aspek kepimpinan dalam karya sastera tradisional telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji, antaranya Sara (2019), Mohamad Zuber, Sara & Mohamad Mokhtar (2015), Zuraidah, Zahir & Nuwairi (2012) dan Jelani (2004), manakala kajian aspek kepimpinan dalam sastera moden pernah dilakukan oleh Arba'ie, Salihahs & Rabiatul Adawiah (2015) dan Jumali & Che Abdullah (2009).

Sara (2019) dalam kajiannya terhadap karya tradisional dalam *Antologi Jacket Kulit dari Istanbul* memperlihatkan bahawa pemimpin Melayu Melaka menjalankan dimensi pentadbiran dan dimensi tanggungjawab social dalam kepimpinan bagi memastikan kestabilan dan kegemilangan kerajaan. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa sikap yang perlu ada pada seorang pemimpin yang disayangi rakyat dan mampu memacu kegemilangan sesebuah negara, iaitu bijaksana, adil, berjiwa rakyat, bersemangat waja, baik hati, pemurah, mementingkan keselamatan dan kebajikan rakyat. Selain itu, Mohamad Zuber, Sara & Mohamad

Mokhtar (2015) yang mengkaji *Hikayat Sulung Merah Muda* dengan menggunakan pendekatan pengurusan memperlihatkan aspek kepemimpinan yang perlu ada pada seorang pemimpin, iaitu berwawasan, berpandangan jauh, bijaksana, kesantunan dalam berkomunikasi, bersemangat waja dan berjiwa rakyat. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Zuraidah, Zahir & Nuwairi (2012) yang meneliti pantun dan ungkapan Melayu menunjukkan ciri-ciri pemimpin Melayu yang memiliki karakter tersendiri yang kaya dengan adat dan adab sekaligus menjadi kekuatan dan membentuk jati diri Melayu. Seterusnya, Jelani (2004) yang meneliti karya adab ketatanegaraan memperlihatkan pemimpin harus melaksanakan tanggungjawab dengan keadilan. Prinsip dan peraturan yang terdapat dalam karya ketatanegaraan dapat dijadikan panduan kepada pemimpin untuk menjalankan tanggungjawab dengan adil. Ciri-ciri pemimpin yang diperlihatkan dalam karya adab ketatanegaraan meliputi hubungan dengan rakyat, hubungan dengan Tuhan, kuat beribadat, berani, setia, sabar, sopan-santun, tidak mengamalkan rasuah, rendah diri dan amanah.

Kajian kepemimpinan dalam sastera Melayu moden pula dapat dilihat melalui kajian Arba'ie, Salihahs dan Rabiatal Adawiyah (2015) yang menganalisis novel *Shit* dan *Patriarch* karya Shahnnon Ahmad menunjukkan bahawa aspek kepemimpinan hadir dalam karya sastera. Kajian tersebut memperlihatkan ciri-ciri pemimpin yang digambarkan dalam novel Shahnnon Ahmad menunjukkan pemimpin yang memiliki keperibadian yang rendah, individualistik dan materialistik dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan serta membelakangkan kepentingan dan keutamaan rakyat. Jumali dan Che Abdullah (2009) pula memperlihatkan aspek kepemimpinan dalam kehidupan remaja menerusi novel *Meredah Kabut*. Berdasarkan kajian tersebut menunjukkan aspek kepemimpinan hadir dalam pelbagai peringkat, iaitu kepemimpinan keluarga, kepemimpinan remaja, kepemimpinan agama, kepemimpinan belia dan kepemimpinan kampung. Kajian tersebut menunjukkan perlakuan negatif dan positif pada seorang pemimpin dari peringkat yang paling bawah sehingga pemimpin dalam masyarakat.

Kesimpulannya, kajian literature menunjukkan bahawa untuk menjadi pemimpin, individu perlu memiliki peribadi yang baik serta menjalin hubungan yang baik dengan pengikut. Pemimpin yang diperlihatkan dalam sastera moden dan sastera tradisional oleh pengarang menjelaskan ciri-ciri pemimpin yang harus dipraktikkan dalam

pembangunan negara dan ciri-ciri pemimpin yang menyebabkan kejatuhan negara.

PERMASALAHAN KAJIAN

Rakyat dan pemimpin mempunyai hubungan yang erat dan saling memerlukan antara satu dengan lain. Pemimpin yang adil, bijaksana dan keperibadian menarik dapat memimpin sesebuah negara dengan baik. Ini sesuai dengan ungkapan “raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah”. Namun konsep ini telah banyak disalahtafsirkan pada hari ini. Hal ini dapat dilihat daripada peristiwa-peristiwa rakyat yang berani secara terang-terangan menentang kedaulatan raja. Misalnya perkara ini ada dilaporkan dalam *Utusan Online* yang bertarikh 27 Ogos 2019 yang menjelaskan seperti berikut:

“Kini semakin ramai rakyat yang mempertikaikan perkara yang telah jelas termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, contoh yang paling ketara ialah mempertikaikan hak dan kepentingan Raja-Raja Melayu di Tanah Melayu ini”.

(Ahmad Ali 2019)

Selain itu, kajian-kajian lepas juga memperlihatkan bahawa kegemilangan dan kejatuhan sesebuah pemerintahan melibatkan hubung kait antara pemimpin dengan rakyat. Karya sastera tradisional menunjukkan perihal tersebut dengan jelas. Rentetan daripada itu, maka kajian ini dilakukan bagi memperlihatkan bahawa dalam membina masyarakat yang harmoni kedua-dua pihak yang memerintah dan diperintah perlu mempunyai kesedaran terhadap peranan masing-masing. Hal ini bagi mengingatkan masyarakat bahawa pemimpin dan rakyat saling memerlukan demi kelangsungan sesebuah pemerintahan seperti yang dipaparkan dalam sastera rakyat yang merupakan sebuah dokumen memaparkan ruang lingkup budaya dan pandangan rakyat secara menyeluruh. Suriati dan Norasimah (2016: 187) juga ada menjelaskan karya yang banyak mengandungi maksud tersirat bertujuan bukan sahaja sebagai hiburan tetapi mengandungi kata nasihat dan falsafah untuk diamati oleh pembaca. Justeru, kertas kerja ini akan memperlihatkan bagaimana hubungan timbal balas antara pemimpin dengan rakyat bukan sekadar memperlihatkan ciri-ciri pemimpin yang baik tetapi juga melihat proses kepemimpinan, kepemimpinan yang melibatkan pengaruh, kepemimpinan dalam kumpulan dan bagaimana mencapai matlamat yang sama berdasarkan beberapa buah cerita rakyat.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan antara rakyat dan pemerintah dalam cerita-cerita lisan Pahang koleksi Zakaria Hitam, serta menganalisis kesan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat dalam tradisi lisan berdasarkan Teori Kepimpinan oleh Northouse (2013).

TEKS KAJIAN: CERITA RAKYAT PAHANG

Cerita Rakyat Pahang yang dikaji merupakan kumpulan cerita rakyat koleksi peribadi Zakaria Hitam (Pak Zek), Budayawan dari negeri Pahang. Cerita-cerita ini dikumpul, ditranskripsi dan ditulis semula. Pengumpulan sastera rakyat dari negeri Pahang ini mendapat dana daripada Bantuan Kecil Penyelidikan (BKP) dari Universiti Malaya. Projek telah bermula pada tahun 2017.

Berdasarkan pengumpulan tersebut terdapat kira-kira 75 buah cerita-cerita rakyat koleksi Zakaria Hitam yang telah dikumpul dan ditranskripsikan daripada pelbagai genre, seperti cerita lipur lara, cerita kanak-kanak dan cerita binatang. Bagi tujuan kajian ini, hanya tujuh buah cerita sahaja yang dikaji berdasarkan hubungan pemerintah dan rakyat dalam memperlihatkan kelangsungan sesebuah tamadun. Antara Cerita Rakyat Pahang yang dianalisis menggunakan Teori Kepimpinan Northouse (2013) ialah *Cerita Awang Miskin Jadi Saudagar*, *Cerita Puteri Geris*, *Cerita Nasihat Landak*, *Cerita Kancil Putih*, *Cerita Awang Selamat Menyabung Ayam*, *Cerita Awang Bismillah* dan *Cerita Che Minah dengan Tujuh Orang Buta*. Koleksi cerita ini tidak ada tahun penerbitan kerana belum pernah diterbitkan oleh mana-mana syarikat penerbitan sama ada di dalam atau di luar negara.

METODOLOGI KAJIAN

Analisis kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan melibatkan pemilihan bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan fokus kajian, iaitu aspek kepimpinan dalam sastera rakyat. Kaedahan analisis teks pula melibatkan pemilihan teks yang sesuai dan pembacaan secara teliti cerita rakyat Pahang bagi memilih aspek kepimpinan yang

dikaji dengan menggunakan Teori Kepimpinan Northouse (2013). Penelitian analisis memberi fokus terhadap peristiwa yang melibatkan hubungan antara pemimpin dengan rakyat yang menunjukkan aspek kepimpinan yang terkandung dalam cerita Rakyat Pahang koleksi Zakaria Hitam.


TEORI KEPIMPINAN (*LEADERSHIP*)
OLEH PETER GUY NORTHOUSE

Menurut Northouse (2013: 5), kepimpinan bermaksud "*leadership is a process whereby an individual influences a group of individuals to achieve a common goal.*" Hal ini menjelaskan bahawa, kepimpinan merangkumi proses di mana individu mempengaruhi sekumpulan individu lain untuk mencapai matlamat yang sama. Justeru, bertitik-tolak daripada konsep kepimpinan tersebut, Northouse (2013) membahagikan kepada empat komponen kepimpinan, iaitu kepimpinan sebagai proses; kepimpinan melibatkan pengaruh; kepimpinan terjadi dalam kelompok dan kepimpinan melibatkan pencapaian tujuan.

Selain itu, kajian Mohamad Zuber, Sara & Mohamad Mokhtar (2015: 6) turut menjelaskan bahawa kepimpinan pada hari ini adalah lebih luas lagi, iaitu satu proses pengaruh, khususnya pengaruh terhadap gelagat dan pemikiran orang lain, malah pemimpin memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi tinggi atau rendah sesebuah institusi atau organisasi itu.

Berdasarkan Northouse (2013: 5), kepimpinan merupakan sebuah proses bermaksud kepimpinan sebagai proses yang bermakna bukan sifat atau ciri yang berada dalam pemimpin, melainkan peristiwa transaksional (transaksi) yang berlaku antara pemimpin dan pengikutnya. Proses bermaksud pemimpin mempengaruhi dan dipengaruhi oleh pengikut. Hal menekankan bahawa kepimpinan bukan satu peristiwa lurus, satu cara, tetapi satu peristiwa interaktif. Apabila kepimpinan ditakrifkan dengan cara ini, maka kepimpinan menjadi tersedia untuk semua orang. Perkara ini tidak terhad kepada pemimpin yang ditetapkan secara rasmi dalam satu kumpulan.

Rajah 1 memperlihatkan proses definisi kepimpinan, iaitu interaksi antara pemimpin dengan pengikut dalam hubungan kepimpinan. Kedua-dua komponen tersebut saling mempunyai hubungan timbal balas dalam sesebuah kepimpinan.



RAJAH 1. Proses Definisi Kepimpinan (Northouse 2013: 9)

Kepimpinan yang melibatkan pengaruh pula, Northouse (2013: 5) menjelaskan bahawa: *“it is concerned with how the leader affects followers. Influence is the sine qua non of leadership. Without influence, leadership does not exist.”* Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh merupakan satu komponen penting dalam aspek kepemimpinan seseorang pemimpin. Selain itu, dalam mempengaruhi individu atau kelompok lain, kuasa merupakan salah satu unsur penting untuk mempengaruhi individu lain. Seseorang memiliki kuasa apabila mereka memiliki kemampuan untuk mempengaruhi kepercayaan, sikap, dan tindakan yang dilakukan oleh orang lain (Northouse 2013: 9). Oleh hal demikian, pengaruh dan kuasa merupakan elemen penting yang saling melengkapi sekaligus perlu ada dalam kepemimpinan.

Seterusnya, komponen ketiga kepemimpinan berlaku dalam kumpulan. Northouse (2013: 5), menjelaskan hal ini sebagai *“groups are the context in which leadership takes place. Leadership involves influencing a group of individuals who have a common purpose.”* Berdasarkan komponen ketiga ini menjelaskan bahawa kumpulan adalah konteks berlakunya kepemimpinan. Kepimpinan merupakan proses yang saling melibatkan dan mempengaruhi sekumpulan individu yang mempunyai tujuan yang sama.

Komponen terakhir kepemimpinan melibatkan tujuan bersama (Northouse 2013: 6), *“leaders direct their energies toward individuals who are trying to achieve something together.”* Hal ini menjelaskan bahawa pemimpin mengarahkan tenaga mereka ke arah individu yang mahu mencapai matlamat bersama. Oleh itu, pemimpin dan pengikut hendaklah mempunyai tujuan yang seiring untuk mencapai matlamat yang sama.

Kesimpulannya, pemimpin dan pengikut terlibat sama dalam proses kepemimpinan. Hal ini kerana

pemimpin dan pengikut saling memerlukan dalam mencapai matlamat bersama (Northouse 2013: 6). Matlamat tersebut tidak mampu dicapai tanpa kerjasama dan sokongan daripada kedua-dua belah pihak. Mereka harus kekal menyokong antara satu sama lain dalam apa sahaja keadaan bagi mencapai matlamat atau kehendak masing-masing.

Dalam cerita-cerita rakyat Melayu terserlah hubungan antara rakyat dan pemimpin yang mempunyai hubungan dua hala, iaitu saling mempengaruhi antara satu sama lain. Namun begitu, dari satu sisi yang lain, raja atau pemerintah diletakkan di satu tempat yang tinggi yang dihubungkan dengan keturunan dewa-dewa. Hubungan dua hala antara rakyat dan pemerintah adalah disebabkan perasaan taat, hormat dan setia terhadap pemimpin yang dilantik. Dalam sastera tradisional, keturunan raja (pemerintah) dikaitkan dengan keturunan dewa-dewa atau mereka yang mendapat mandat dari kayangan. Hal ini dilakukan dengan tujuan untuk memperlihatkan keistimewaan golongan tersebut yang tidak ada pada rakyat biasa. Keistimewaan tersebut telah mengangkat kedudukan golongan pemerintah atau golongan raja menjadi lebih tinggi dalam masyarakat tradisional.

Oleh itu, kajian hubungan rakyat dan pemimpin ini dijalankan berdasarkan konsep kepemimpinan yang disarankan oleh Northouse (2013). Ciri-ciri yang dikemukakan dalam teori ini, iaitu kepemimpinan merupakan sebuah proses, kepemimpinan melibatkan pengaruh, kepemimpinan berlaku dalam kumpulan dan kepemimpinan melibatkan tujuan yang sama.

HUBUNGAN RAKYAT DAN PEMERINTAH DALAM TRADISI LISAN DARI PERSPEKTIF KEPIMPINAN

Konsep “keimpinan melalui teladan”, “konsep waadat” dan “konsep dewa raja” merupakan konsep yang sering dikaitkan dengan kepemimpinan dalam masyarakat Melayu yang digambarkan dalam sastera Melayu tradisional seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan karya-karya hikayat yang lain. Secara tidak langsung perkara ini menunjukkan bahawa pemimpin merupakan individu yang dipandang tinggi dalam masyarakat kerana menentukan pembangunan dan kejatuhan sesebuah kerajaan.

Namun begitu, dalam membangunkan dan memajukan sesebuah negara hubungan pemimpin tidak bertindak sendiri tetapi perlu mendapat

sokongan daripada rakyat. Pemimpin dan rakyat perlu saling memerlukan dan bekerjasama dalam kelangsungan sesebuah kerajaan atau pemerintahan. Berdasarkan koleksi cerita Rakyat Pahang koleksi Zakaria Hitam dapat diperlihatkan hubungan timbal balas pemimpin dengan rakyat yang dianalisis dengan menggunakan Teori Kepimpinan Northouse (2013).

KEPIMPINAN MERUPAKAN PROSES

Kepimpinan sebagai proses bukan keperibadian individu yang menjadi ciri pemimpin, tetapi merupakan satu proses transaksional (transaksi) yang terjadi antara pemimpin dan pengikutnya. Kepimpinan merupakan kawalan social dalam sesebuah masyarakat. Pemimpin merupakan tunjang kepada pencorakan masyarakat. Kepimpinan boleh dilihat dalam kelakuan dan sikap seseorang ketua dan juga boleh dipelajari. Nor Rafidah, Sity dan Mohd Samsudin (2017: 68) menyatakan bahawa, “seorang pemimpin perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, mendalam, berwawasan, cekap, sentiasa peka mengenai perkembangan dan isu-isu terkini dan berkebolehan dalam memimpin sesebuah organisasi dengan berkesan”. Dengan kata lain, seorang pemimpin yang berkaliber, berpengetahuan dan bijaksana akan mampu mempengaruhi kepimpinan yang secara tidak langsung juga mampu mempengaruhi kegiatan kelompok, menuju ke arah penentuan dan mencapai tujuan. Muhd Norizam Jamian et al. (2017) dalam Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019: 82), menjelaskan kebijaksanaan sebagai ketajaman akal budi, kecerdasan fikiran, ketelitian tindakan dan kemahiran dalam ilmu tertentu.

Melalui cerita *Awang Miskin Jadi Saudagar*, mengetengahkan watak Raja Sulaiman sebagai pemimpin, iaitu seorang raja yang adil dalam menjatuhkan hukuman. Baginda akan menyiasat atau menyelidik terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Tindakan yang dilakukan oleh baginda dapat memelihara keharmonian dan menyelamatkan Mak Miskin daripada tertindas dengan tindakan Tok Saudagar.

“Mendengarkan aduan Mak Miskin itu, maka Raja Sulaiman pun memerintahkan seorang khadam memanggil Tok Saudagar. Tidak berapa lama kemudian, maka Tok Saudagar pun datanglah mengadap. Mukanya pucat lesi dan badannya menggelestar melihat Mak Miskin ada di penghadapan. Dia berfikir, “Tentulah Mak Miskin tahu siapa yang membakar rumahnya.”

Apabila Tok Saudagar telah tiba, maka Raja Sulaiman pun bertanya, “Benarkah Tok Saudagar membakar rumah Mak Miskin?”

Maka Tok Saudagar pun menjawab, “Harapkan diampun, hamba tidak membakarnya. Tukang kebun hamba ada membakar lalang. Harus juga api itu melarat dan membakar rumah Mak Miskin.”

“Baiklah. Itu maknanya orang suruhan Tok Saudagar telah membakar rumah Mak Miskin,” sabda Raja Sulaiman. Kemudian baginda memandang ke arah Mak Miskin lalu bersabda, “Ya Mak Miskin, sekarang engkau ceritakan harta engkau yang habis dimakan api upaya dapat dinilai kerugian engkau.”

(Awang Miskin Jadi Saudagar)

Berdasarkan contoh petikan di atas memperlihatkan bahawa pemerintah tidak menggunakan kuasa yang ada dengan sewenang-wenangnya. Hukuman dijatuhkan dengan adil dan saksama tanpa mengira status atau kedudukan individu dalam masyarakat. Mereka yang bersalah tetap akan dikenakan hukuman dengan setimpal. Kepimpinan yang berlaku ini merupakan satu proses hubungan timbal balas antara pemerintah dengan rakyat, iaitu rakyat mempunyai hak untuk menyatakan bahawa kebenaran dan pemerintah mengadili sesuatu perkara dengan saksama.

Selain itu, hubungan rakyat dengan pemerintah terlihat juga dalam cerita *Puteri Geris*. Dalam cerita ini, Raja Kerisna Putera telah menentang ayahandanya, Raja Setapal Golok yang zalim, iaitu suka kepada binatang buruan dan makan daging manusia. Baginda telah membebaskan tawanan ayahandanya. Kepimpinan Raja Kerisna Putera ini terlihat dalam tindak-tanduk baginda menentang kezaliman dan menjaga kebajikan pengikut (rakyat jelata). Hal ini dapat dilihat dalam contoh petikan berikut:

“Maka Kerisna Putera pun berseru dengan nyaring suaranya. Katanya: “Hai menteri hulu balang sekalian! Sekarang beritahu beta adakah kamu sekalian mahu mengikut titah perintah beta atau tidak. Bercakap benarlah kamu sekalian.”

Sekalian hulubalang pun berdatang sembah, “Daulat tuanku,

Yang mati Raja Ulat,
Yang hidup Raja kami,

Kami sanggup mengikut apa juga titah perintah tuanku. Dari hari ini tuankulah Raja kami dengan gelaran Raja Kerisna Putera. Ampunkanlah dosa kami kerana telah menjalankan segala titah perintah almarhum ayahanda. Daulat tuanku.”

“Terima kasihlah. Dari sekarang jangan lagi kamu menangkap dan memakan orang. Kamu lepaskan sekalian manusia yang ada di dalam kandang,” titah Raja Kerisna Putera.

“Daulat tuanku titah dijunjung,” sembah mereka.

(Cerita Puteri Geris)

Daripada contoh tersebut dapat disimpulkan bahawa kepimpinan merupakan satu proses dalam mencapai sesuatu matlamat dalam kelompok masyarakat. Pemimpin yang adil dan saksama tidak akan menggunakan kuasa yang ada secara sesuka hati. Northouse (2013) ada menjelaskan bahawa kepimpinan adalah satu proses saling mempengaruhi antara pemimpin dengan pengikut untuk mencapai matlamat yang sama. Dalam proses kepimpinan ini terlihat wujudnya interaksi antara pemimpin dan pengikut. Hubungan timbal balas ini memperlihatkan proses kepimpinan yang baik.

KEPIMPINAN MELIBATKAN PENGARUH

Kepimpinan melibatkan pengaruh dilihat dalam hubungan bagaimana pemimpin mempengaruhi pengikutnya. Hal ini menjelaskan bahawa pemimpin harus mempunyai pengaruh dalam memimpin dan mempengaruhi pengikut. Northouse (2013: 5) menjelaskan bahawa proses kepimpinan tidak akan wujud tanpa pengaruh. Pengaruh berkait rapat dengan kekuasaan, iaitu kemampuan seseorang pemimpin dalam mempengaruhi pengikutnya untuk mencapai sesuatu matlamat atau tujuan.

Terdapat lima faktor yang dimanipulasikan oleh pemimpin untuk mencapai matlamat dalam sesebuah kepimpinan, iaitu tarikan kepada ganjaran, perasaan dalaman, ketepatan dalam persepsi peranan, kesaksamaan dalam pemberian ganjaran dan jangkauan.

Berdasarkan penelitian terhadap cerita *Nasihah Landak* yang merupakan cerita sastera lisan Pahang memperlihatkan bahawa pengaruh yang dimiliki oleh Raja Sulaiman. Raja Sulaiman mempunyai ramai pengikut yang taat setia. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa ketika baginda kembali semula ke istanasetelah lama menghilang, baginda disambut oleh rakyat jelata dengan penuh kegembiraan. Malahan turut digambarkan dalam cerita ini, situasi manusia, jin dan binatang sujud menyembah baginda.

“Raja Sulaiman menyambut cincin yang diserahkan oleh isterinya. Amatlah sukacitanya baginda melihatkan cincin itu. Dengan tiada berlengah-lengah lagi Raja Sulaiman pun

memasukkan cincin itu kejarinya. Didapatinya sama padan. Masa itu ahulah Raja Sulaiman bahawa cincin itu adalah cincin kebesarannya. Mukanya yang selama ini telah jadi hitam disebabkan bahang matahari telah menjadi berseri-seri. Sekalian yang bernyawa di rumahnya sujud kepadanya.

Pada keesokanharinya, maka Raja Sulaiman pun berangkatlah ke istananya. Maka amatlah sukacitanya hamba rakyat sekalian melihat Raja Sulaiman telah pulang. Datanglah segala manusia dan jin serta segala binatang mengadap dan sujud di kaki baginda.”

(Cerita Nasihat Landak)

Pemerintahan Raja Sulaiman yang adil dan saksama serta kuasa yang dimiliki pada oleh Raja Sulaiman menjadikan pemimpin tersebut diingati oleh rakyat dan kehilangannya amat dirasai oleh pelbagai golongan masyarakat. Dalam konteks ini, pengaruh yang terdapat pada seseorang pemimpin bukan sahaja kepada cara pemerintahannya tetapi juga kuasa yang dimilikinya. Hal ini memperlihatkan kuasa luar biasa atau keistimewaan serta keadilan dalam menjalankan tanggungjawab Berjaya mempengaruhi rakyat untuk setia bernaung di bawah tampuk pemerintahannya seseorang pemimpin. Orang yang setia akan sentiasa mempunyai keteguhan hati dan membuktikan kesetiannya untuk melakukan apa sahaja, dan dalam keadaan apa sekali pun (Hishamudin & Norsimah 2011: 150). Secara tidak langsung peristiwa ini memperlihatkan bahawa kepimpinan melibatkan pengaruh yang dimiliki oleh seseorang pemimpin untuk terus kekal memerintah. Northouse (2013) menyatakan bahawa “*without influence, leadership does not exist.*”

Selain itu, kepimpinan yang melibatkan pengaruh ini juga dapat dilihat dalam cerita *Kancil Putih*. Namun pemimpin yang diwakili Raja dalam cerita *Kancil Putih* ini telah menyalahgunakan pengaruh yang dimiliki oleh baginda sehingga menzalimi rakyat. Hal ini dapat dilihat apabila baginda tela hmerampas hak Awang Miskin. Raja telah memerintahkan Bujang Selamat mendapatkan barang-barang peribadi milik Awang Miskin seperti kancil putih, kail bertuah, sumpit, penggali dan cangkul. Raja juga telah menggunakan pengaruhnya untuk memerintahkan Bujang Selamat merampas dan mengugut untuk membunuh Awang Miskin jika Awang Miskin tidak mahu menurut kehendak raja. Peristiwa tersebut diperlihatkan dalam petikan di bawah:

“Maka Bujang Selamat pun masuk mengadap. Apabila Bujang Selamat telah ada di penghadapan, maka Raja pun bertitah, “Ya Bujang Selamat, pergilah engkau ke rumah Miskin itu dan ambil kancil putih yang dibela oleh Awang Miskin.

Setelah beberapa lama kemudian, maka kedengaranlah kepada Raja yang Awang Miskin telah mendapat sebetuk kail bertuah. Maka Raja pun menitahkan Bujang Selamat mengambil mata kail Awang Miskin itu. Titah baginda, “Ya Bujang Selamat, pergilah ke rumah Awang Miskin. Minta kepadanya matakailnya. Kalau tidak iberinya engkau minta beli. Jikalau ia tiada mahu menjualnya engkau ambil sahajalah.”

Setelah mendengar jawapan Awang Miskin itu, maka Raja pun bertitah, “Kalau engkau tak mahujual sumpitan ini aku rampas. Engkau aku bunuh.”

Mendengarkan titah Raja itu, maka Awang Miskin pun menyembah, “Patik tidak hendak jual penggali patik inik uanku. Patik susah dan mak patik sudah tua. Ia tak daya hendak buat kuih.”

Maka titah Raja, “Kalau engkau tak mahujual penggali ini kepada aku, engkau aku bunuh.”

Raja pun bertitah, “Kalau engkau tak mahu jual cangkul itu kepada aku, engkau aku bunuh.”

Awang Miskin pun menjawab, “Ah, bodoh! Adakah orang yang digulung dengan *bidai* dan dicampakkan kedalam air boleh hidup. Ayah engkau sudah mampus. Badannya dah habis hancur. Tak akan balik-balik lagi. Ini balasan kezalimannya ke atasaku. Ia telah membunuh kancil putih permain anaku. Ayah engkau zalim sangat orangnya. Ia tak boleh dengar hamba rakyatnya senang. Kerana iazalim, maka ia telah jadi begini. Sebab itu hendaklah engkau ingat orang zalim tidak akan selamat. Sekarang akulah yang empunya negeri ini.”

(Cerita Kancil Putih)

Berdasarkan petikan cerita *Kancil Putih* di atas menunjukkan raja yang menggunakan kuasa paksaan dalam mempengaruhi rakyat agar menuruti perintahnya. Hal ini jelas seperti yang diperkatakan oleh Northouse (2013: 11) yang menjelaskan bahawa “*coercive power is one of the specific kinds of power available to leaders. Coercion involves the use of force to effect change.*”

Kesimpulannya, berdasarkan dua buah cerita lisan Pahang tersebut memperlihatkan kepimpinan yang melibatkan pengaruh. Pemerintah memerlukan pengaruh dalam mempengaruhi pengikutnya untuk terus setia mengikuti dan menurut perintahnya. Namun, terdapat juga pemerintah yang menyalahgunakan pengaruh dalam mencapai matlamat peribadi seperti dalam cerita *Kancil Putih*.

KEPIMPINAN BERLAKU DALAM KELOMPOK

Kepimpinan terjadi pada kelompok atau kumpulan (*leadership occurs in groups*). Kumpulan (*groups*) adalah sebahagian daripada proses kepimpinan yang memperlihatkan individu lahir sebagai pemimpin. Hal ini kerana dalam mengendalikan sesebuah

kumpulan masyarakat perlu adanya seorang pemimpin. Pemimpin mempengaruhi sekelompok masyarakat yang mempunyai tujuan yang sama, iaitu boleh melibatkan sama ada kumpulan kecil, kumpulan masyarakat, atau sebuah kumpulan besar yang merangkumi seluruh organisasi. Kepimpinan melibatkan individu yang mempengaruhi sekumpulan orang lain untuk mencapai matlamat yang sama dalam sesebuah komuniti atau organisasi.

Perkara ini dapat dilihat dalam cerita *Awang Selamat Menyabung Ayam*, iaitu Raja Sulong dan Dato’ Menteri mempunyai matlamat yang sama, iaitu ingin mengalahkan ayam sabung Awang Selamat. Raja Sulong telah mempengaruhi pengikut-pengikutnya agar mengatur strategi dan mengenakan muslihat untuk mengalahkan ayam sabung Awang Selamat. Namun begitu, ayam sabung milik Awang Selamat Berjaya mengalahkan beberapa ekor ayam sabung yang lain, termasuklah ayam Jalak Seri Negara, iaitu ayams abung yang handal milik raja.

Daripada peristiwa tersebut, memperlihatkan bahawa pemimpin Berjaya mempengaruhi pengikutnya bagi mencapai tujuan yang sama. Hal ini bertepatan dengan pendapat Northouse (2013: 6) bahawa “*leadership is about one individual influencing a group of others to accomplish common goals.*” Dalam konteks cerita *Awang Selamat Menyabung Ayam* memperlihatkan pelbagai strategi diatur oleh pemimpin telah dituruti oleh pengikut bagi merealisasikan impian yang sama, iaitu mengalahkan ayam sabung Awang Selamat. Peristiwa yang sama turut diperlihatkan dalam cerita *Jin Hitam*, iaitu pemerintah dan rakyat sepakat untuk menghapuskan Jin Hitam yang dikatakan bengis dan jahat serta mendatangkan kesusahan kepada masyarakat setempat. Pelbagai usaha dan ikhtiar dilakukan oleh masyarakat untuk menghapuskan jin tersebut. Hubungan rakyat dengan pemerintah dalam sesebuah kelompok dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Setelah mendapat titah perintah baginda Raja Besar itu maka Perdana Menteri pun menjalankan tugasnya. Dia berunding dengan orang-orang besar dan juga menyuruh orang memberitahu hamba rakyat sekalian.

(Cerita Jin Hitam)

Tindakan yang diambil oleh pemerintah bukanlah tindakan secara individu, tetapi hasil muafakat dan perbincangan dengan rakyat jelata. Kesepakatan ini memberi kesan yang positif dalam mencapai matlamat sesebuah masyarakat. Secara

tidak langsung peristiwa-peristiwa yang dipaparkan dalam cerita rakyat Pahang tersebut memperlihatkan hubungan antara pemerintah dan rakyat yang saling berhubung kait dalam kelangsungan tampuk pemerintahan. Pemerintah tidak menggunakan kuasa kepemimpinan secara autonomi tetapi lebih bersikap toleransi dan mengambil kira pandangan orang yang diperintah.

KEPIMPINAN MELIBATKAN TUJUAN BERSAMA

Kepimpinan melibatkan pencapaian tujuan bersama diertikan sebagai pemimpin berhubungan dengan mengarahkan sekelompok orang untuk menyelesaikan sejumlah tugas atau tujuan. Dalam hubungan ini, kepemimpinan didefinisikan sebagai proses dimana seseorang mempengaruhi sekelompok orang untuk mencapai tujuan bersama (Northouse 1997: 3). Kepimpinan turut didefinisikan sebagai interaksi antara anggota suatu kelompok. Pemimpin adalah agen perubahan, seseorang yang tindakannya berpengaruh pada orang lain lebih dari pengaruh tindakan orang lain pada dirinya. Kepimpinan terjadi ketika satu anggota kelompok memodifikasi motivasi atau kompetensi orang lain dalam kelompok tersebut. Definisi ini bererti bahawa kepemimpinan melibatkan penggunaan pengaruh dan semua hubungan interpersonal dapat melibatkan proses kepemimpinan. Elemen lain dalam definisi tersebut adalah pentingnya menjadi agen perubahan, iaitu kemampuan untuk mempengaruhi perilaku dan prestasi pengikut. Terakhir, definisi tersebut fokus pada pencapaian tujuan. Pemimpin yang efektif berhubungan dengan individu, kelompok, dan tujuan organisasi (Gibson 2003: 299).

Berdasarkan cerita *Awang Bismillah* menunjukkan bahawa kepemimpinan yang melibatkan tujuan bersama. Hal ini dapat dilihat apabila Awang yang berhajat mahu mengahwini anak raja. Meskipun raja mahu agar puterinya dapat berkahwin dengan mana-mana pemuda, namun baginda mahukan calon menantuyang benar-benar layak. Oleh itu, baginda telah menetapkan syarat kepada Awang, iaitu jika Awang Berjaya memenuhi syarat-syarat yang dikenakan, barulah diterima Awang sebagai menantu. Syarat tersebut dapat dilihat seperti berikut:

“Raja amat terperanja tmendengarkan sembah Awang itu. Setelah *sejenak sejenang* panjang lamanya baginda terdiam, maka raja pun bertitah, “Ialah Awang! Kalau Awang hendak juga, dapatkanlah tiga buku intan sebesar telur ayam tiap-tiap sebuku. Tapi kalau takd apat Awang akan aku bunuh. Kalau Awang sanggup aku bersetujulah.”

Amatlah hairannya baginda melihatkan intan dan mutiara begitu banyak. Baginda pun bertitah, “Ya Awang! Sekarang Awang telah menunaikan janji. Nampaknya terpulanglah kepada aku menunaikan janji aku pula. Sebagai seorang raja, aku akan menunaikan janjiku. Sebab itu janganlah Awang khuatir.”

Di samping itu, pemimpin yang melibatkan tujuan bersama juga menggariskan bahawa pentingnya menjadi agen perubahan, iaitu kemampuan untuk mempengaruhi perilaku dan prestasi pengikut. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa raja sanggup mengahwinkan puteri baginda dengan Awang, walaupun baginda mengetahui bahawa baginda akan dipandang rendah oleh raja-raja di negeri lain kerana mengahwinkan anakanda baginda dengan rakyat biasa yang tidak setaraf. Hal ini menunjukkan bahawa keputusan baginda adalah muktamad walaupun bertentangan dengan adat dan kebiasaan raja-raja.

“Beta akan mengahwinkan anak beta dengan dia. Beta tahu perbuatan beta ini akan dipandang rendah oleh raja-raja lain, akan tetapi beta berpegangt eguh, iaitu sebagai seorang raja beta tidak boleh sekali-kali mungkir janji. Apabila seseorang telah melafazkan janji, maka janji itu hendaklah dikotakan kalau tidak kita akan dipandang hina. Adalah menjadi harapan beta supaya hamba rakyat beta akan sentiasa menunaikan janji mereka, walau pun sebab menunaikan janji akan merugikan mereka. Kalau tidak janganlah berjanji. Sekarang beritahulah orang-orang besar sekalian supaya memulakan kerja berjaga-jaga selama tujuh hari tujuh malam.”

(Cerita Awang Bismillah)

Selain itu, dalam cerita *Che Minah dengan Tujuh Orang Buta* turut memperlihatkan kepemimpinan dengan tujuan bersama. Raja telah berunding dengan menteri dan para pembesar untuk menentukan hukuman terhadap Che Minah yang telah mengerat lidah tujuh orang buta. Raja telah bersetuju sebulat suara dengan para menteri dan para pembesar bahawa Che Minah tidak bersalah. Hal ini menunjukkan bahawa raja dan para pembesar mempunyai ujuan yang sama, iaitu sebulat suara menyatakan bahawa Che Minah tidak bersalah kerana Cuma mempertahankan dirinya. Hal ini dapat dilihat dengan petikan di bawah:

“Apabila mendengarakan sembah Tok Penghulu itu, maka raja pun berundinglah dengan menteri dan orang-orang besar yang ada di penghadapan. Mereka menimbangkan perkara itu dengan ehalus-halusnya. Oleh kerana orang-orang buta itu telah mengganggu kehidupan Che’ Minah, maka menteri dan orang-orang besar berpendapat Che’ Minah tidak bersalah. Pendapat menteri dan orang-orang besar itu diterima oleh raja. Dengan sebab itu raja telah memberitahu Tok Penghulu yang baginda tidak mengenakan apa-apa hukuman ke atas Che’ Minah. Baginda menambah titah, “Apa yang dilakukan oleh

Che' Minah itu adalah semata-mata bagimem pertahkandiri. Suruhlah tabib ubat orang-orang buta itu.”

Maka Tok Penghulu pun menjunjung duli lalu berdatang sembah, “Ampun tuanku, titah dijunjung.” Kemudian Tok Penghulu pun keluar dari penghadapan.

Akan titahperintah raja itudisampaikan oleh Tok Penghulu kepada Che' Minah. Maka Che' Minah pun berkata, “Terimakasihlah Tok Penghulu.”

Kemudian maka Tok Penghulu pun memberitahu tabib akan titah perintah raja itu. Maka tabib pun berusaha mengubat orang-orang buta itu. Setelah beberapa lama diubat, maka luka di lidah mereka pun sembuhlah. Sungguh pun mereka telah pulih seperti adat sedia kala mereka tiada lagi mengganggu kehidupan Che' Minah.”

(Che Minah dengan Tujuh Orang Buta)

Secara tidak langsung peristiwa-peristiwa tersebut menjelaskan bahawa “*the leaders and followers have a mutual purpose*” (Northouse 2013: 6). Kepimpinan melibatkan tujuan bersama juga dapat dilihat dalam peristiwa Raja Ketapal Golok mengarahkan pengikutnya untuk menangkap binatang dan manusia untuk disembelih dan dimakan beramai-ramai. Hal ini dikemukakan dalam cerita *Puteri Geris* seperti berikut:

“Akan hamba rakyat Raja Ketapal itu membawa beberapa ekor anjing yang besar lagi garang. Dengan sebab itu, maka banyaklah mereka mendapat binatang-binatang buruan. Binatang-binatang itu dibawa pulang dan disembahkan kepada Raja mereka. Jika masa berburu itu mereka berjumpa dengan manusia, maka manusia itu ditangkap dan dikurung di dalam sebuah penjara. Apabila tiada mendapat binatang-binatang buruan, maka manusia itu akan disembelih dan dimakan ramai-ramai.”

Petikan tersebut memperlihatkan pemerintah dan pengikut yang zalim. Dalam konteks ini, terdapat beberapa kumpulan pengikut yang menurut sahaja agenda pemerintah yang zalim bagi mencapai matlamat atau tujuan yang sama. Manakala sebaliknya berlaku kepada pengikut-pengikut yang tidak memberi sokongan, mereka akan ditahan dan dihukum dengan hukuman berat. Dalam hal ini, upacara memakan manusia itu berbeza daripada memakan binatang buruan yang lain-lain. Sebelum mereka memakan manusia mereka telah menghidupkan api besar. Kemudian diadakan pula persembahan pencaksilat. Setelah puas mereka bersuka-ria, barulah mereka berhenti rehat dan memakan daging manusia yang telah disembelih oleh mereka.

Ringkasnya dalam komponen kepimpinan melibatkan tujuan bersama ini memperlihatkan pemerintah mempunyai pengaruh yang besar dalam mempengaruhi perilaku dan tindakan pengikutnya. Pengikut yang menurut perintah atau taat setia yang melampau tidak akan membantah perilaku pemerintah sekaligus menyokong serta turut sama dalam mencapai sesuatu matlamat. Pemimpin yang baik pula akan berbincang dan bertoleransi dengan pengikut dalam mencapai matlamat. Northouse (2013: 6) menyatakan bahawa “*leaders direct their energies toward individuals who are trying to achieve something together.*” Perbincangan dan nasihat diperlukan bagi mencapai kata sepakat dalam proses kepimpinan. Kouper (2010: 3) dalam Arina dan Indirawati (2016) turut menjelaskan bahawa nasihat sering dikategorikan sebagai perlakuan yang rumit untuk dilaksanakan terutama apabila melibatkan individu yang mempunyai hubungan rapat kerana boleh memberi kesan ke atas kebebasan orang yang dinasihati.

KESIMPULAN

Perbincangan berkenaan pemerintahan atau proses kepimpinan dalam cerita-cerita rakyat Pahang memperlihatkan bahawa hubungan pemerintah dengan rakyat masih mempunyai hubungan timbal balas. Namun begitu, cerita-cerita rakyat Pahang tidak memperlihatkan taat setia rakyat terhadap pemerintah sebagaimana dalam cerita-cerita lisan tuturan Pawang Ana. Hubungan dengan pemerintah diceritakan dalam gaya bahasa naratif yang biasa tanpa diperincikan berbanding dengan cerita yang terdapat dalam *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*.

Daripada analisis kajian, didapati cerita-cerita lisan Pahang memperlihatkan interaksi pemimpin dan pengikut dari pelbagai perspektif. Terdapat cerita-cerita pemimpin yang zalim dan pemimpin-pemimpin yang adil dan bertoleransi. Ke semua komponen kepimpinan yang dikemukakan Northouse (2013) dapat disesuaikan terhadap cerita-cerita yang dikaji dan memperlihatkan hubungan timbal balas antara pemimpin dan rakyat. Walaupun komponen-komponen yang dibincangkan berfokus kepada perilaku pemimpin terhadap rakyat, tetapi dalam perbincangan tersebut juga masih memperlihatkan peranan rakyat sebagai pengikut yang taat dan setia kepada pemimpinnya. Hal ini kerana, pemerintah yang terdiri daripada golongan

raja mempunyai kedudukan yang tinggi dan dipercayai mempunyai kuasa serta daulat. Rakyat sangat menghormati pemerintah dan juga pada masa yang sama takut untuk melanggar perintah atau peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah.

Analisis pemerintahan berdasarkan Teori Kepimpinan Northouse (2013) membuktikan bahawa keempat-empat komponen kepimpinan memperlihatkan hubungan antara rakyat dan pemerintah secara ringkas sahaja. Hal ini kerana keempat-empat ciri yang dikemukakan dalam teori tersebut seperti kepimpinan sebagai proses; kepimpinan melibatkan pengaruh; kepimpinan terjadi dalam kelompok dan kepimpinan melibatkan pencapaian tujuan bersama hanya membincangkan daripada satu sisi sahaja, iaitu memperlihatkan pengaruh dan kekuasaan pemimpin. Bagi memperlihatkan hubungan rakyat dan pemerintah dengan lebih jelas dalam konteks cerita-lisan Melayu, maka perbincangan perlu mengambil kira melibatkan aspek budaya, pemikiran dan pegangan sesebuah masyarakat.

RUJUKAN

- Ahmad Ali A. Karim. 2019. Jangan hilang rasa cinta kepada negara. *Utusan*, 27 Ogos. <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/jangan-hilang-rasa-cinta-kepada-negara-1.961318>. Diakses pada: 30 Ogos 2019.
- Ahmad Jelani Halimi. 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Arba 'ie Sujud, Salihah Razak & Siti Rabiatal Adawiah Jaffar. 2015. Pemikiran politik: Pemimpin dan kepemimpinan dalam novel Shanon Ahmad. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(1): 67-78.
- Arina Johari & Indirawati Zahid. 2016. Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *Gema Online@Journal of Language Studies* 16 (2): 73-93.
- Bennis, W. G. & Nanus, B. 1985. *Leaders: The strategies for Taking Charge*. New York: Harper & Roe.
- Capowski, G. 1994. Anatomy of a leader: Where are the leader of tomorrow? *Management Review* 83(3): 10-18.
- Che Abdullah Che Ya & Mohamad Rodzi Abd Razak. 2019. Menelusuri elemen sejarah dalam novel. *Akademika* 89 (Isu Khas): 5-14.
- Jelani Harun. 2004. Pemikiran Melayu tentang keadilan raja: Satu analisis berdasarkan karya adab ketatanegaraan. Dlm. *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan*, disunting oleh Woramit Baru @ Haji Ahmad Idris. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumali Selamat & Che Abdullah Che Ya. 2009. Analisis kepimpinan dalam Meredah Kabut. *Jurnal Personaliti Pelajar* 12: 109-124.
- Koleksi Cerita Rakyat Pahang Zakaria Hitam (Belum diterbitkan). Projek Bantuan Kecil Penyelidikan Khas Universiti Malaya (BKP).
- Kotter, J. P. 2001. What Leader Really Do? *Harvard Business Review* 79(11): 85-96.
- Hishamudin Isam & Norsimah Mat Awal. 2011. Analisis berasaskan korpus dalam menstruktur semula kedudukan makna teras leksikal setia. *Gema Online@Journal of Language Studies* 11(1): 143-158.
- Manat Solihat. 2015. Kepemimpinan dan gaya komunikasi. *JIPSI: Jurnal Ilmiah Ilmu Politik dan Komunikasi* 4(1):1-9.
- Mohamad Zuber Ismail & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. 2016. Dimensi perancangan dalam Hikayat Malim Dewa: Kajian PendekatanPengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu* 27: 25-44.
- Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris. 2019. Kebijaksanaan adab dalam hikayat Melayu tradisional. *Akademika* 89 (Isu Khas): 81-91.
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2016. Konsep taat setia sebagai petunjuk masa depan melalui karya agung sebagai model jati diri bangsa Melayu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 2(2): 173-182.
- Noriah Taslim. 1993. *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Rafidah Saidon, Sity Daud & Mohd Samsudin. 2017. Faktor kepimpinan dan gender dalam penglibatan politik wanita di Malaysia (1980-2013). *Akademika* 87(3): 61-73.
- Northouse, P. G. 2013. *Leadership: Theory and Practice*. Michigan: Western Michigan University: SAGE Publications, Inc.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2017. Kepemimpinan diplomatic pemerintah kerajaan dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. *Jurnal Melayu* 16(1): 1-18.
- Sara Beden. 2019. Analisis Prosa Klasik "Kepimpinan Melalui Teladan" berdasarkan prinsip kepimpinan. *Malay Literature* 32(1): 37-70.
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin. 2016. Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *Gema Online@Journal of Language Studies* 16(3): 187-204.
- Tenas Effendy. 2000. *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Salinah Ja'afar. 2013. Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam *Hikayat Hang Tuah*. *Jurnal Melayu* 11: 99-109.
- Tichy, N. M. & Devanna, M. A. 1986. *The Transformational Leader*. New York: John Wiley.
- Yukl, G. 1989. Managerial leadership: A review of theory and research. *Journal of Management* 15(2): 251-290.

Zainal Abidin Borhan. 2012. Wa'ad, Wasiat dan nasihat dalam sulalat al-salatin: Iktikaf baru untuk kepimpinan Melayu. *Al-'Abqari* 2: 1-15.

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(3): 31-50.

Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana kepimpinan Melayu ke arah pembangunan modal insan. *Jurnal Melayu* 9: 155-170.

Madiawati Mustaffa (corresponding author)
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia
Email: atie@um.edu.my

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia
Email: in_marlin@yahoo.com

Rohayati Junaidi
Jabatan Kesusasteraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Malaysia
Email: rohayatijunaidi87@yahoo.com

Maizira Abdul Majid
Jabatan Kesenian Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Email: maizira@um.edu.my

Received: 24 February 2020
Accepted: 7 September 2020